

# Usah ketepi keupayaan ubat tradisional: PM

Projek Institut Kanser Negara bukti komitmen kerajaan rawat barah

Oleh Kadir Dikoh  
dan Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengingatkan pengamal perubatan di negara ini supaya tidak menyetepikan keupayaan ubat-ubatan tradisional dalam merawat pesakit.

Perdana Menteri memberi contoh, sebuah hospital di Beijing, China, turut menawarkan rawatan perubatan tradisional sebagai alternatif kepada proses rawatan moden.

Beliau berkata demikian pada upacara pecah tanah projek pembinaan Institut Kanser Negara (IKN) bersebelahan Hospital Putrajaya di Presint 7 di sini.

IKN yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun, antara lain menyediakan perkhidmatan onkologi dan radioterapi, perubatan nuklear, pembedahan onkologi, rawatan paliatif dan rawatan harian komprehensif.

Institut itu juga menawarkan rawatan tradisional dengan kerjasama

sebuah hospital latihan di bawah Universiti Beijing.

Perdana Menteri yang kehilangan isterinya, Datin Seri Endon Mahmood, akibat kanser payu dara pada 2005 berkata, projek IKN membuktikan komitmen kerajaan menangani barah.

Sehubungan itu, beliau mahu semua pihak terbabit dalam projek itu, membuat perancangan rapi supaya kemudahan yang dibangunkan untuk faedah rakyat, terutama pesakit kanser, dilaksanakan dengan baik.

Katanya, perancangan rapi merangkumi pelbagai aspek termasuk peralatan dan latihan amat penting bagi memastikan IKN dapat beroperasi dan menawarkan kemudahan dan kepakaran kepada pesakit kanser.

"Dengan ada perancangan ini, pelaksanaan program akan menjadi baik... tidak berlaku terbengkalai dan kelewatan," katanya.

Abdullah berkata, sokongan anggota keluarga juga amat diperlukan, terutama dalam memahami penderitaan pesakit kanser.

"Bagi yang mempunyai anggota keluarga yang menghidap kanser, amat-amat memahamilah seperti saya memahami lima tahun lamanya penderitaan isteri saya, Allahyarham Endon," katanya.

Pada sidang media pula, Perdana Menteri berkata, institut itu dibina bagi menyediakan rawatan berkualiti tinggi kepada rakyat.

"Ia bukan eksklusif untuk saya atau perasaan saya... ini apa yang

rakyat hendak. Ia bukan untuk perasaan saya semata-mata, ia keperluan rakyat yang kita tahu pesakit kanser memang ramai," katanya menengulas apakah projek IKN memberi makna tersendiri kepada beliau.

Dianggarkan 40,000 kes kanser dikesan setiap tahun, dan penyakit itu mengakibatkan 9.54 peratus daripada semua kematian di hospital kerajaan pada 2004 berbanding 7.37 peratus pada 1975.

Kabinet pada 2005 meluluskan peruntukan khas sebanyak RM340 juta bagi membina institut berkenaan yang dibangunkan menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Projek IKN dilaksanakan mengikut dua fasa, iaitu menaik taraf kemudahan sedia ada di Hospital Putrajaya, seperti pemasangan peralatan Cylcotron dan PET-CT yang siap dilaksanakan, menaik taraf peralatan CT Scan dan Mammografi dan Cytotoxic Drug Reconstitution (CDR). Fasa kedua membabitkan pembinaan IKN dengan kemudahan 252 katil pesakit.

## FAKTA NOMBOR

Kanser

**40,000**

Kes dikesan setiap tahun

**37**

Jumlah ahli onkologi

BH-10/11/2007